

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' HAJI CHE ABDULLAH BIN MAT NAWI
KAWASAN : TUMPAT
TARIKH : 14 NOVEMBER 2019 (KHAMIS)

SOALAN :

YB DATO' HAJI CHE ABDULLAH BIN MAT NAWI minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan perancangan bagi mengatasi kesesakan yang berlaku di bulatan Wakaf Bharu, Tumpat, disebabkan pembinaan 'flyover' jambatan kereta api.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi mengatasi kesesakan yang berlaku di Bulatan Wakaf Bharu, Tumpat disebabkan pembinaan 'flyover' dan Jambatan Atas Rel, Pasukan Projek JKR dan Kontraktor Utama (Damakmur (M) Sdn.Bhd.) telah membuka jalan dua (2) lorong satu (1) hala pada sebahagian laluan (Jalan FT134) bermula dari Bulatan Wakaf Bharu menuju Bandar Kota Bharu melalui Jambatan Atas Rel KTMB.

Bagi pengguna dari arah Kota Bharu yang akan ke Wakaf Bharu / Tumpat / Pengkalan Kubor pula, lencongan jalan sehalu akan bermula dari Persimpangan Dusun Langgar hingga Simpang Tiga (3) Jalan Puteri Saadong / Jalan Wakaf Bharu (D164).

Pelaksanaan perubahan pergerakan lalulintas ini telahpun diwartakan melalui Warta Kerajaan Persekutuan oleh Menteri Kerja Raya terhadap Notis Di Bawah Seksyen 70, Akta Pengangkutan Jalan 1987 (Akta 333) no. rujukan P.U (B) 371 bertarikh 29 Julai 2019 dengan tempoh pelaksanaan daripada 14 Ogos 2019 sehingga 31 Mac 2020. Ianya juga telahpun diwar-warkan melalui media massa dan juga media sosial (seperti *Facebook*) oleh pihak Pasukan Projek JKR dan juga Kontraktor untuk makluman pengguna jalan raya di situ.

Selain daripada itu, papan tanda pemberitahuan juga telah dipasang untuk panduan pengguna jalan raya. Di samping itu, Pasukan Kawalan Trafik projek dan dibantu Pasukan Trafik Polis Daerah Tumpat sentiasa bersedia di kawasan berkenaan bagi mengawal lalulintas, sekiranya berlaku sebarang kesesakan lalulintas.

Sekian, terima kasih.